

USIM dapat perhatian Universiti Cambridge

SEREMBAN 20 Mei - Peranan media dalam mengetengahkan Universiti Islam Malaysia (USIM) sebagai peneraju integrasi ilmu aqli dan naqli turut mendapat perhatian Universiti Cambridge di United Kingdom.

Naib Canselornya, Profesor Datuk Dr. Asma Ismail berkata, perhatian yang diberikan oleh universiti terunggul dunia itu bukan sahaja membanggakan, malah membuktikan bahawa USIM menjadi peneraju dalam mengeluarkan siswazah yang berkeupayaan dalam pelbagai bidang berteraskan Islam.

"Apabila sesebuah artikel tentang USIM ditulis, bukan sahaja dipaparkan di akhbar, malah turut dimuat naik dalam laman Internet. Daripada penulisan dalam Internet inilah Universiti Cambridge mengetahui tentang perkembangan USIM.

"Pada masa sama memberikan satu impak yang sangat baik kepada pihak universiti kerana boleh dika-

takan USIM sentiasa mendapat perhatian menerusi penulisan di dada-dada akhbar ketika ini," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap dalam Majlis Makan Malam Media Bersama Pusat Komunikasi Strategik (StraComm) USIM di Bangunan Canselori USIM di sini baru-baru ini.

Yang turut hadir Timbalan Naib Canselor Bahagian Akademik dan Antarabangsa Profesor Datuk Dr. Musa Ahmad; Timbalan Naib Canselor Bahagian Hal Ehwal Pelajar dan Alumuni, Profesor Datuk Dr. Mohamed Asin Dollah dan Timbalan Naib Canselor Bahagian Penyelidikan dan Inovasi, Profesor Datuk Dr. Mustafa Mohd. Hanefah.

Mengulas lanjut tentang perkara itu, Asma menjelaskan, pada tahun lepas sahaja sebanyak 838 artikel tentang USIM telah diterbitkan dengan nilai publisiti dan perhubungan awam dianggarkan berjumlah RM22 juta.



ASMA Ismail bergambar dengan wakil-wakil media pada Majlis Makan Malam Media bersama Pusat Komunikasi Strategik Universiti Sains Islam Malaysia di Seremban, baru-baru ini. - UTUSAN/ASWAD YAHYA

"Bagi tahun ini sehingga Mei, jumlah terbitan artikel yang dipaparkan tentang institusi itu adalah

416 dengan nilai publisiti dan perhubungan awam yang dianggarkan sebanyak RM11.3 juta.

"Ini adalah hasil daripada kerjasama yang cukup baik oleh pengamal media dengan pihak

universiti dan kita harap jalinan ini akan terus diperkukuh pada masa-masa akan datang," katanya.